

MUZIK DI DALAM PEMBELAJARAN  
PRASEKOLAH

WAN NORA BINTI WAN ABDULLAH  
85887195

DIPLOMA IN MUSIC  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
1990

## PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH (SWT) YANG MAHA PEMURAH LAGI  
MAHA MENGETAHUI

Dengan nama Allah dan syukur Al-hamdulillah ke hadrat Allah S.W.T yang maha berkuasa memberikan ketabahan hati menyempurnakan tesis ini walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan. Kesempatan ini penulis ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mereka yang telah membantu dan memberikan sokongan juga kerjasama sehinggalah tesis ini sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan penulis kepada ayahanda Wan Abdullah yang memberikan bahan-bahan rujukan muzik, bonda di atas sokongan peribadi berupa kewangan, suami penulis Jafri Rashid memberikan sokongan moral, Wan Mohd. Aiman yang memberikan semangat dan akhirnya anakanda Jazrilnizam Jafri yang memberikan inspirasi dan ilham pada penulis.

Sekalung penghargaan terima kasih kepada Encik Razak Aziz, pensyarah muzik dan juga selaku penasihat tesis ini, Encik Nazri Ahmad, pensyarah muzik, pensyarah-pensyarah muzik yang

---

lain yang telah memberikan sumbangan tenaga, bahan-bahan rujukan tesis dan tunjuk ajar besertakan buah fikiran kepada penulis untuk kesempurnaan tesis ini.

Tidak dilupakan rakaman terima kasih kepada mereka-mereka yang tersebut dibawah ini:

- i. Puan Hajjah Shamsiah - Ketua bahagian jabatan muzik MPIK
- ii. Madam Magdaline - Pensyarah muzik MPIK
- iii. Encik Azhar bin Mohd. Wali - Pemsyarah muzik bahagian prasekolah MPIK
- iv. Perpustakawan-perpustakawan MPIK
- v. Rakan-rakan tahun akhir 90

Jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Kajian Senilukis dan senireka khususnya dari Jabatan Muzik yang telah bersusah payah memberikan kerjasama kepada tesis ini.

Sekian terima kasih.

Penulis

## KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBAR	v
BAB 1 :	
1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Perkembangan prasekolah dahulu dan sekarang	3
1.3 Psikologi dalam pembentukan dan perkembangan pembelajaran	6
1.4 Garispanduan kurikulum prasekolah Malaysia	8
BAB 2 :	
2.0 MUZIK DALAM KAEDAH PEMBELAJARAN	14
2.1 Konsep dan skop kaedah muzik di dalam sistem pembelajaran	14
2.2 Kaedah pembelajaran muzik	16
2.3 Peranan pergerakan bermuzik membantu sistem pembelajaran	21
2.4 Motif penggunaan alat-alat muzik	25
BAB 3 :	
3.0 KEPENTINGAN MUZIK DALAM PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN	27
3.1 Kesan-kesan penerapan muzik dalam pembelajaran	27
3.2 Pencapaian muzik di dalam pembelajaran	31

## BAB 1

### 1.0 PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

" Melentur buluh biarlah semasa rebung ". Pepatah melayu ini menunjukkan betapa perlunya kepentingan pendidikan dan pendedahan kepada setiap individu kanak-kanak pada awal peringkat umur kepada alam persekitaran yang kaya dengan unsur-unsur yang mengandungi pembelajaran dan pengetahuan. Kanak-kanak di dalam lingkungan umur 4 hingga 6 tahun dikategorikan di dalam program pendidikan pra-sekolah.

Individu kanak-kanak pada peringkat ini memerlukan sepenuh pemerhatian daripada pihak tenaga pengajar kerana mereka telah keluar daripada suasana kekeluargaan dan memasuki satu suasana baru di dalam mini masyarakat. Kanak-kanak ini diperkenalkan pada satu sistem pembekajaran secara berkumpulan dan belajar sambil bermain.

Semangat ingin tahu dan sikap ingin mencuba sesuatu yang baru mendorong individu kanak-kanak ini bersifat aktif dan keinginan mereka untuk meneroka dan mencari sesuatu

---